

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

→ Prof Madya Dr Mohd Rashid Ab Hamid  
Fakulti Pengurusan Industri  
merangkap Pengurus Besar  
UMP Advanced



# Pendidikan sepanjang hayat iktiraf kemahiran

Pembelajaran melalui pengalaman adalah suatu proses pembelajaran yang diperoleh melalui interaksi sesama rakan sekerja sehari-hari.

ia juga boleh diperoleh melalui persekitaran serta latihan yang di ikuti secara terancang atau sebaliknya.

Pengalaman memberikan satu ilmu bermakna yang dapat memantangkan fikiran dan memajukan kemahiran dalam melaksanakan tugas di tempat kerja atau kehidupan seharian.

Kebiasaannya, proses pembelajaran melalui pengalaman yang dilalui adalah bersifat praktikal atau langsung.

Secara tidak sedar, hakikatnya setiap manusia yang bekerja melalui proses pembelajaran setiap hari melalui pelbagai corak dan warna pengalaman dihadapi yang boleh memberikan kesan langsung kepada prestasi sesebuah jabatan, organisasi atau syarikat.

Secara tidak sedar, hakikatnya setiap manusia yang bekerja melalui proses pembelajaran setiap hari melalui pelbagai corak dan warna pengalaman dihadapi yang boleh memberikan kesan langsung kepada prestasi sesebuah jabatan, organisasi atau syarikat.

### Perluas lagi konsep pendidikan

Memandangkan warga kerja dalam sektor industri memperoleh ilmu atau kemahiran melalui pengalaman yang dilalui, sistem pembelajaran mutakhir ini membuka peluang kepada golongan berkeja.

Peluang berkenaan adalah dengan memberikan pengiktirafan kepada ilmu atau kemahiran dimiliki seseorang.

Pengiktirafan sebegini telah mula giat dilaksanakan dalam usaha mengembang dan memperluaskan konsep pendidikan melalui pembelajaran sepanjang

hayat (PSH).

Tidak dimafikan, warga kerja menyumbang kepada pembangunan negara dalam banyak bidang dan pemeriksaan PSH untuk golongan berkeja menyumbang pengajaran adalah amat wajar dan boleh divalidasi.

Kekangan masa dan hal-hal lain yang mengganggu hasil seseorang warga kerja industri menyumbang pengajaran ke peringkat yang lebih tinggi dapat dicapai melalui inisiatif atau strategi yang diwujudkan khususnya melalui pengiktirafan pengalaman masing-masing.

Ini dapat dilakukan dengan proses penilaian yang komprehensif melalui kompilasi atau pendokumentasian pencapaian individu terbahagi untuk diwasit.

Kompilasi pencapaian semasa kerja memberikan gambaran awal betapa seseorang warga kerja telah menimba ilmu secara langsung atau tidak langsung melalui pengalaman mereka.

### Peluang warga kerja

Penilaian pengalaman ini memberi ruang dan peluang kepada golongan warga kerja untuk memperkembangkan pengajaran ke peringkat tertentu yang diminati.

Dengan kata lain, ia bertindak sebagai asas kepada syarat kemasukan ke dalam sesuatu program. Runtutan pembelajaran berdasarkan pengalaman terbahagi, bu-

kan sahaja meluaskan syarat kemasukan begitu sahaja, malah aspek kualiti penilaian turut dipelihara dengan ujian lisan atau bertulis bagi menegakkan dokumentasi yang dinilai.

Justeru, penilaian ilmu melalui pengalaman juga diterjemahkan dalam bentuk penguculan darab untuk mengiktiraf sesuatu subjek setelah melalui proses penilaian yang ditetapkan dalam sesuatu peringkat pengajaran.

Ini seolah-olah seseorang mendapat kredit yang setara berdasarkan pengalaman dengan ilmu dalam sesuatu subjek yang ditawarkan.

ia sudah tentu satu tawaran yang menarik kepada golongan berkeja dengan mendapat pengiktirafan menerusi pengalaman mereka, sama ada digunakan sebagai syarat kemasukan atau diberikan kredit kepada pengalaman mereka. Bukankah lainnya menarik?

Kesimpulannya, peluang untuk menimba ilmu tidak terhad kepada generasi muda di aliran perdana sahaja yang biasanya ber-laku di kebanyakan institusi pengajian tinggi.

Malah, golongan berkeja turut berperlang meneruskan pengajaran melalui konsep PSH yang dilaksanakan dengan mengambil kira pengalaman sebagai satu pemertua kepada bidang ilmu yang diiktiraf.

(FOTO HIJASAH)



Konsep pendidikan sepanjang hayat galak golongan berkeja menyumbang pengajaran tanpa mengira usia.



ia sudah tentu satu tawaran yang menarik golongan berkeja dengan mendapat pengiktirafan menerusi pengalaman mereka, sama ada digunakan sebagai syarat kemasukan atau diberikan kredit kepada pengalaman mereka”